

21 OCT 1999

Mahathir-Cabar

MAHATHIR CABAR GURU HASUT PELAJAR TAMPIL KE DEPAN

JITRA, 21 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mencabar kalangan guru yang menghasut pelajar membenci kerajaan supaya tampil ke depan menyatakan pendirian mereka.

"Saya mencabar mereka datang ke hadapan saya dan nyatakan seperti apa yang dikatakan kepada pelajar," kata beliau pada majlis perasmian pecah tanah serentak projek empat buah sekolah di Kedah di sini.

Beliau berkata terdapat segelintir guru yang tidak memberi ilmu kepada pelajar, sebaliknya menanam perasaan benci terhadap kerajaan dan pemimpin tertentu.

"Mereka mengatakan kerajaan zalim dan terdapat pemimpin tertentu yang mencari kekayaan untuk diri sendiri... mereka (guru terbabit) adalah pengkhianat kepada proses pengembangan ilmu, bangsa dan negara.

"Oleh itu secara ikhlas saya katakan kalau mereka berani, datanglah di depan saya dengan mengatakan 'kamilah penghasut pelajar...' namun apa yang saya ketahui, mereka ini adalah pengecut," katanya.

Dr Mahathir berkata tuduhan yang dilemparkan oleh golongan itu adalah tidak berasas kerana negara ini diiktiraf dunia sebagai antara negara membangun yang termaju.

"Kalau kerajaan zalim dan pemimpin rasuah, bagaimana negara nak maju... tentunya negara akan jadi teruk, sedangkan kita boleh lihat ketika ini negara kita mempunyai pelbagai kemudahan untuk rakyat seperti hospital, sekolah, jalan raya," katanya.

Beliau berkata kesan daripada hasutan itu amat ketara apabila pelajar Melayu ketika ini hanya berminat dengan politik dan langsung tidak menghiraukan ilmu.

"Kalau mereka berminat pun, mereka dihasut oleh golongan ini... hasilnya pencapaian pelajar Melayu jauh ketinggalan berbanding kaum lain sedangkan jumlah pelajar Melayu adalah lebih banyak daripada mereka," katanya.

Perdana Menteri berkata tidak ada gunanya kerajaan menyediakan kemudahan sekolah jika guru yang dibayar gajinya oleh kerajaan tidak tahu bersyukur dengan bertindak menghasut pelajar.

Dr Mahathir juga berkata kerajaan membuat keputusan untuk meningkatkan perbelanjaan dengan melaksanakan projek pembangunan untuk rakyat walaupun dikecam oleh sesetengah pihak dengan menuduh mengamalkan kronisme.

"Ada pihak mengatakan kerajaan bersikap kronisme apabila memberi projek pembangunan itu kepada kontraktor Melayu... saya akui kita mengamalkan konsep pilih dan tidak tender apabila memberi sesuatu projek," katanya.

Beliau berkata tindakan ini dilakukan sebagai usaha untuk meningkatkan keupayaan kontraktor Melayu agar seimbang dengan kaum lain dan ia selaras dengan Dasar Ekonomi Baru.

"Kita mahu melihat kontraktor Melayu yang sememangnya mempunyai modal kecil dan hutang banyak menjadi maju dengan diberi projek tertentu... ini secara tidak langsung turut memberi kesan kepada pekerja dan pembekal.

"Kita tidak mahu keadaan seperti tindakan yang diambil oleh bekas Menteri Kewangan (Datuk Seri Anwar Ibrahim) dulu berulang," katanya.

Perdana Menteri berkata bekas Menteri Kewangan itu mengikut telunjuk Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) dengan memotong perbelanjaan kerajaan sebanyak 20 peratus.

"Kerajaan menyediakan 80 peratus peruntukan untuk membayar gaji kakitangannya dan 20 peratus untuk menyediakan projek infrastruktur buat

rakyat.

"Jika perbelanjaan dipotong sebanyak 20 peratus, ini bermakna tiada projek akan dijalankan dan kesannya akan diterima oleh kontraktor terutamanya Melayu, pekerja dan pembekal," katanya.

Beliau berkata kerajaan tidak boleh memotong peruntukan yang disediakan untuk membayar gaji kakitangannya dan langkah tidak bijak itu bukan memulihkan ekonomi tetapi semakin menyulitkan.

"Keputusan yang dibuat oleh dia (Anwar) itu tidak dibahaskan dalam mesyuarat kabinet... dia buat keputusan sendiri," katanya.

Perdana Menteri berkata beliau berasa sedih apabila pihak tertentu ini memberitahu pihak asing yang kerajaan mengamalkan kronisme supaya kerajaan mendapat kecaman.

"Biarlah mereka mengecam... kita akan teruskan semua ini untuk rakyat dan kita tidak mahu mendapat pujian pihak asing sedangkan rakyat menderita," katanya.

Empat buah sekolah yang terbabit dalam upacara pecah tanah itu, yang menelan belanja RM36.9 juta, adalah antara 40 buah sekolah yang akan didirikan di seluruh negara meliputi peruntukan keseluruhan RM1 bilion.

Sekolah-sekolah berkenaan ialah Sekolah Menengah Paya Kemunting, Sekolah Menengah Pinang Tunggal, Sekolah Kebangsaan Sungai Lalang dan Sekolah Kebangsaan Sungai Pasir Kecil, yang akan dilaksanakan oleh Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM), Kedah.

Yang turut hadir pada majlis itu ialah Menteri Besar Tan Sri Sanusi Junid, Yang Dipertua DPMM Kedah Baharuddin Kasim dan anggota-anggota Exco kerajaan negeri.

-- BERNAMA

MAN NMO